

## **PEMAKAIAN PRINSIP HIBAH DALAM SISTEM KEWANGAN ISLAM DI MALAYSIA: TUMPUAN KEPADA INDUSTRI PERBANKAN ISLAM DAN TAKAFUL**

NASRUL HISYAM NOR MUHAMAD<sup>1</sup>

**Abstrak.** Hibah merupakan salah satu prinsip dalam muamalah Islam yang diamalkan di institusi-institusi kewangan Islam di Malaysia. Tujuan artikel ini adalah untuk membincangkan pemakaian prinsip hibah dalam Sistem Kewangan Islam di Malaysia, iaitu institusi perbankan Islam dan takaful. Bagi memperolehi data primer mengenai aplikasi prinsip hibah di dua institusi kewangan Islam tersebut, penulis telah menjalankan temu bual dengan individu yang berautoriti di Bahagian Syariah Bank Negara Malaysia, Jabatan Pematuhan Syariah di Etiqa Takaful Bhd dan Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. Penulis mendapati bahawa prinsip hibah, walaupun tidak dianggap sebagai prinsip utama, namun ia diaplikasikan sebagai prinsip sokongan dalam aktiviti-aktiviti muamalah Islam di Institusi Kewangan Islam di Malaysia.

*Kata kunci:* Hibah; sistem kewangan Islam; muamalah Islam; perbankan Islam; takaful; undang-undang Islam

**Abstract.** Hibah (*gift inter vivos*) is one of the principles of Islamic transaction that are applied at Islamic Financial Institutions in Malaysia. The purpose of this article is to discuss the application of hibah in Islamic banking as well as the takaful. In the collection of data on the application of hibah at these Islamic institutions, the writer has conducted interviews with authoritative persons at the Shariah Division Bank Negara Malaysia, the Shariah Compliant Department at Etiqa Takaful Bhd and the Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. The writer found that even though hibah is not considered as a core principle, but it is applied as a support principle in Islamic transaction activities in the institutions of Islamic Finance in Malaysia.

*Keywords:* Gift inter vivos; Islamic financial system; Islamic transaction; Islamic banking; Islamic insurance; Islamic law

### **1.0 PENDAHULUAN**

Skop perbincangan artikel ini adalah mengenai pemakaian prinsip hibah di institusi-institusi kewangan Islam di Malaysia. Sungguhpun Sistem Kewangan Islam secara umumnya boleh dikategorikan kepada tiga komponen utama, iaitu Institusi Perbankan Islam, Industri Takaful dan Pasaran Modal Islam, namun oleh kerana perbincangan mengenai kesemua kategori tersebut adalah terlalu luas, maka penulis akan membataskan perbincangan kepada dua komponen utama sahaja iaitu perbankan Islam dan takaful.

---

<sup>1</sup> Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Skudai, Johor  
Tel: 019-7568681. Email: [nasrul\\_syam@yahoo.com.my](mailto:nasrul_syam@yahoo.com.my), [nasrul@utm.my](mailto:nasrul@utm.my)

## 2.0 KONSEP HIBAH<sup>2</sup>

Hibah merupakan perkataan Arab yang berasal daripada kata kerja “*wahaba*” yang bermaksud *tabarru'* (Al-Jurjani, 1421H: 252) atau pemberian tanpa balasan (Al-Fayyumi, t.t.: 273). Ibn Manzur mentakrifkan hibah sebagai suatu pemberian yang bukan untuk mendapatkan sebarang balasan dan (tidak juga) mempunyai sebarang tujuan (Ibn Manzur, 2003: 416; Ahmad Rida, 1960: 821). Perkataan hibah sebenarnya telah diterima sebagai perkataan Melayu yang dipinjam dari bahasa Arab. Dalam Kamus Dewan (2007: 530), hibah atau hibbah ditakrifkan sebagai pemberian hak (harta) secara sukarela kepada orang lain dengan tujuan baik. Menghibahkan bermaksud memberikan (pada masa si penghibah masih hidup).

Takrif hibah dari sudut istilah syarak adalah sama sahaja dengan penggunaannya dari sudut bahasa. Cuma jika dilihat secara terperinci, istilah hibah menurut *fuqaha'* mazhab Shafi'i, istilah hibah boleh dilihat daripada dua perspektif. Pertama, dari perspektif umum bermaksud suatu pemberian yang merangkumi hadiah (pemberian dengan niat memuliakan seseorang), sedekah (pemberian dengan mengharapkan ganjaran Allah S.W.T.) dan *ibra'* (pelepasan hutang oleh pemiutang). Manakala yang kedua dari perspektif khusus pula, hibah bermaksud pemberian suatu milikan oleh seseorang kepada yang lain tanpa balasan yang tertakluk kepada rukun-rukun tertentu (Al-Nawawi, 1985: 364; Al-Nawawi, t.t.: 370; Muhammad al-Sharbini, t.t.: 62; Al-Qalyubi wa Umayrah, t.t.: 110; Al-Ramli, 1967: 405). Ada juga *fuqaha'* Shafi'i yang mentakrifkan hibah sebagai suatu akad pindah milik sesuatu barang secara sukarela semasa hidup (Al-Ansari, t.t.: 259).

## 3.0 PEMAKAIAN PRINSIP HIBAH DALAM INDUSTRI PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA

Semua aktiviti Perbankan Islam dan Takaful di Malaysia diselia secara berpusat oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (selepas ini disebut sebagai MPSBNM). Segala keputusan yang dikeluarkan oleh MPSBNM akan mengikat bank dan juga syarikat takaful. Ini bermakna, amalan institusi perbankan dan takaful tidak boleh menyalahi keputusan yang dikeluarkan oleh MPSBNM. Dari sudut ini, Majlis Penasihat Syariah yang ditubuhkan di bank dan syarikat takaful hanya berfungsi untuk membantu dan sebagai pelengkap kepada MPSBNM. Walau bagaimanapun, mereka dibenarkan untuk mengeluarkan satu keputusan baru yang belum pernah dikeluarkan oleh MPSBNM dalam konteks operasi produk-produk syariah di bank masing-masing. Perlu ditekankan bahawa keputusan MPSBNM yang mengikat bank-bank lain dan

<sup>2</sup> Artikel ini tidak bermaksud untuk membincangkan prinsip hibah secara terperinci merangkumi rukun, syarat, jenis-jenis hibah, undang-undang hibah dan hukum hakam hibah yang lain kerana ia memerlukan perbincangan yang panjang. Sub Topik **2.0 Konsep Hibah** ini bertujuan menyediakan gambaran awal mengenai konsep hibah yang dibincangkan dalam artikel ini.

juga penyedia perkhidmatan takaful adalah keputusan dalam bentuk larangan atau ketidakpatuhan sesuatu struktur atau produk terhadap kehendak syarak. Sebaliknya, keputusan yang berupa kebenaran atau keharusan terhadap sesuatu struktur mengikut prinsip syarak tidaklah mengikat bank dan syarikat takaful untuk menggunakan keputusan tersebut dalam struktur produk mereka (Temu bual bersama pegawai berkenaan).

Prinsip hibah, secara umumnya bukanlah satu prinsip utama (*core*) dalam pembinaan produk-produk perbankan Islam. Prinsip atau kontrak yang dianggap sebagai prinsip utama dalam membentuk produk perbankan Islam adalah seperti kontrak-kontrak jual beli (*al-bay'ah*), sewaan (*al-ijarah*), gadaian (*al-rahn*), syarikat (*al-sharikah*), perkongsian untung rugi (*al-mudarabah*) dan simpanan (*al-wadi'ah*) (Abdul Halim El-Muhammady, 2005: 89-201). Prinsip hibah hanya digunakan sebagai suatu prinsip sampingan di dalam kontrak-kontrak utama seperti yang telah disebutkan itu. Oleh kerana matlamat utama perbankan Islam adalah untuk menjalankan perniagaan yang berorientasikan keuntungan, maka prinsip hibah yang lebih bersifat *tabarru'* (sumbangan atau pemberian budi bicara daripada pihak bank) tidaklah sesuatu yang diberi penekanan. Sungguhpun demikian, ia boleh dijadikan sebagai satu prinsip sokongan kepada produk-produk yang ditawarkan oleh perbankan Islam (Temu bual bersama pegawai berkenaan).

### 3.1 Produk-produk Perbankan Islam di Malaysia yang Mengaplikasikan Prinsip Hibah

Walaupun hibah bukanlah merupakan satu prinsip utama kepada pembinaan sesuatu produk perbankan Islam, namun boleh dikatakan bahawa ia boleh dijadikan sebagai satu instrumen sokongan kepada produk-produk tersebut. Dengan kata lain, ia boleh dijadikan sebagai satu instrumen yang dijadikan sebagai penarik (atau dalam istilah perniagaan disebut sebagai *selling point*) kepada produk-produk tertentu yang ditawarkan di perbankan Islam. Berikut merupakan antara prinsip atau kontrak dalam perbankan Islam yang mengaplikasikan prinsip hibah serta *modus operandi* masing-masing.

#### 3.1.1 *Wadi'ah Yad al-Damanah*

Prinsip *wadi'ah* merupakan salah satu cara bagaimana perbankan Islam memperoleh dana tabungannya melalui akaun simpanan. Selain *wadiah*, satu lagi prinsip yang digunakan dalam akaun simpanan ialah prinsip *mudarabah*.<sup>3</sup> *Wadi'ah* menurut istilah

<sup>3</sup> Secara umumnya, bank menawarkan tiga akaun untuk tujuan mengumpulkan deposit; iaitu akaun simpanan, akaun semasa dan akaun pelaburan. Bagi akaun simpanan dan akaun simpanan semasa, antara prinsip yang digunakan oleh perbankan Islam adalah berasaskan akad *wadi'ah* (Ahmad Hidayat Buang, 2007: 376)

*fugaha'* ialah satu kontrak di mana pemilik sesuatu harta memberikan kuasa kepada orang lain supaya menjaga barang atau hartanya itu untuk keselamatannya. Dalam konteks amalan bank, istilah *wadi'ah* ini dipakai dengan ditambah dengan frasa *yad damanah* yang bererti simpanan dengan jaminan. Ia merujuk kepada seseorang (pendeposit) yang memberi kuasa kepada orang lain (bank) untuk menyimpan hartanya untuk tujuan keselamatan barang tersebut daripada kehilangan, kemusnahan, kecurian dan sebagainya. Dengan demikian, hubungan antara bank dengan pelanggannya merupakan hubungan jaminan (*bailment*); iaitu pendeposit sebagai penerima jaminan (*bailee*) wang simpanan dan bank sebagai pemberi jaminan (*bailer*) kerana hak milik harta tidak berpindah kepada bank, cuma bank hanya mempunyai kuasa dan kawalan terhadap wang yang disimpan. Oleh kerana itu, pendeposit masih mempunyai hak ke atas wang tersebut. Ini berbeza dengan kedudukan hubungan antara pendeposit dengan bank dalam perbankan konvensional, iaitu hubungan antara penghutang dengan pemiutang, iaitu pendeposit sebagai pemiutang dan bank sebagai penghutang. Melalui hubungan ini, apabila pendeposit menandatangani wangnya ke dalam bank, maka bank bertanggungjawab untuk membayar wang yang disimpan apabila ia dituntut oleh pelanggan (Abdul Halim El-Muhammady, 2005: 219).

Modus operandi prinsip *Wadi'ah Yad al-Damanah* ini yang diaplikasikan dalam akaun semasa dan akaun simpanan semasa adalah seperti berikut (*Islamic Banking Practice from the Practitioners Perspective*, 1994: 53):

- (1) Bank menerima deposit daripada pelanggannya yang memerlukan tempat selamat untuk simpanan wang mereka dan mudah pula untuk mereka menggunakannya dalam bentuk akaun semasa dan akaun simpanan dengan menggunakan prinsip *Wadi'ah Yad al-Damanah*.
- (2) Bank meminta kebenaran daripada penyimpan-penyimpannya untuk menggunakan wang simpanan itu selama wang itu berada dalam simpanannya.
- (3) Penyimpan-penyimpan berhak mengeluarkan sebahagian atau seluruh baki simpanan pada bila-bila masa mereka kehendaki dan bank memberi jaminan untuk mengembalikan baki tersebut.
- (4) Semua keuntungan daripada penggunaan bank terhadap simpanan yang ada adalah menjadi milik bank. Tetapi bank boleh menggunakan budi bicaranya untuk memberi keuntungan kepada semua penyimpannya atau sebahagian akaun penyimpan-penyimpannya.
- (5) Bank memberi buku, cek, kad ATM atau perkhidmatan lain mengenai akaun semasa atau simpanan kepada penyimpan.

Daripada operasi prinsip *wadi'ah* tersebut, dapatlah difahami bahawa konsep hibah digunakan sebagai satu bentuk insentif, dividen atau sugu hati oleh pihak bank untuk menarik pelanggan supaya menyimpan di dalam akaun di perbankan Islam. Dari

segi luarannya, insentif ini sama bentuknya dengan apa yang dikatakan sebagai faedah dalam sistem konvensional. Oleh kerana itu, untuk mengelakkan pembayaran dividen ini menyerupai bayaran faedah, jumlah, bentuk dan peratus pembayarannya adalah mengikut budi bicara bank. Ini bermakna keuntungan daripada penggunaan wang pelanggan ini sebenarnya adalah milik bank sepenuhnya. Namun, atas budi bicara pihak bank ke atas pelanggannya, bank memberikan sebahagian tertentu daripada keuntungan tersebut kepada pelanggannya yang boleh dianggap sebagai hibah atau hadiah daripada bank. Walau bagaimanapun, kaedah pengiraan keuntungan ini masih terikat dengan kaedah biasa pembayaran faedah. Sebagai contoh, sekiranya dividen dibayar pada setiap bulan, kaedah pengiraannya ialah baki komulatif harian untuk bulan berkenaan dibahagi dengan jumlah hari dalam bulan, didarab dengan kadar keuntungan yang ditentukan dan didarab dengan 1/12 (Ahmad Hidayat Buang 2007: 377-378).

### 3.1.2 *Al-Ijarah Thumma Al-Bay'*

Produk *al-Ijarah Thumma al-Bay'* (ringkasnya AITAB) merupakan gabungan antara dua konsep, iaitu *ijarah* (sewaan) dan *bay'* (beli). *Ijarah* adalah satu kontrak yang membawa kepada pemindahan hak milik manfaat sesuatu barang dengan bayaran dalam tempoh yang telah dipersetujui (Abdul Halim El-Muhammady, 2005: 170). Manakala *bay'* pula ialah satu kontrak pertukaran barangan antara dua pihak yang memberi hak pemilikan kepada pihak-pihak tersebut (Al-Zarqa', 1999: 21-23). AITAB yang juga dikenali sebagai *ijarah wa iqtinac* ini agak baru dalam fiqh muamalah dan tidak dikenali oleh ahli fiqh silam. Namun, ia dibenarkan kerana tidak mengandungi sebarang unsur yang membuat akad itu tidak sah. AITAB adalah satu bentuk produk di mana penyewa, di akhir tempoh sewaan diberikan pilihan oleh pihak bank, sama ada untuk menyewa semula atau membeli aset berkenaan. Jika dilihat dari segi strukturnya pun, ia adalah gabungan antara dua akad yang sememangnya diiktiraf syarak, iaitu akad sewaan dan jual beli. Modus operandinya, bank akan menyewakan aset kepada pelanggan yang kemudiannya akan membayar secara ansuran sebanyak jumlah yang telah dipersetujui dalam tempoh tertentu. Kadar sewaan adalah berdasarkan harga aset dan juga tempoh masa penyewaan. Pada akhir tempoh sewaan tersebut, pelanggan diberi pilihan sama ada untuk menyewa semula atau membeli aset berkenaan. Jika pelanggan memilih untuk membeli, hanya harga nominal dikenakan kerana harga bayaran sewa yang dibuat selama ini akan diambil kira. Dilihat dari segi operasi AITAB di perbankan Islam, kedua-dua akad ini dibuat secara berasingan dan pembelian aset dianggap sebagai satu bentuk janji oleh penyewa di akhir tempoh sewaan nanti (Nabil A. Saleh, 1986: 99).

Dalam usaha perbankan Islam menggalakkan pelanggan AITAB mematuhi jadual pembayaran bulanan mereka, hibah diberikan kepada mereka sebagai satu bentuk insentif. MPSBNM dalam mesyuarat ke-13, pada 10 April 2000 (5 Muharram 1421) telah memutuskan bahawa prinsip hibah yang digunakan dalam akad AITAB sebagai

satu bentuk insentif kepada pelanggan adalah diharuskan (*Shariah Resolutions In Islamic Finance*, 2007: 27).

### 3.1.3 Qard al-Hasan

*Qard al-hasan* bermaksud kontrak hutang terhadap sesuatu yang bernilai (*mithl*) dengan pembayaran balik kadar yang sama. Dalam konteks amalan perbankan Islam, *qard al-hasan* merujuk kepada pinjaman tanpa faedah (*interest-free loan*) yang diberikan kepada peminjam untuk kebajikan (Nor Mohd Yakop, 1996: 93; Nabil A. Saleh, 1986: 99). Berdasarkan prinsip ini, peminjam hanya dikehendaki membayar hutangnya berdasarkan jumlah yang dipinjam sahaja dan bank tidak dibolehkan untuk meminta sebarang bayaran lebihan. Walau bagaimanapun, pihak peminjam adalah bebas dan digalakkan untuk membayar dengan kadar yang lebih daripada jumlah tersebut atas dasar budi bicaranya kepada pihak bank. Lebihan yang diberikan secara sukarela oleh pihak peminjam ini dianggap sebagai hibah dan diharuskan dalam syarak. Ini diputuskan dalam mesyuarat Majlis Penasihat Syariah BNM yang ke-55 pada 29 Disember 2005 (27 Zulkaedah 1426). Walau bagaimanapun, Majlis menasihatkan agar amalan (bayaran lebihan) ini perlu dipraktikkan secara jujur bagi mengelakkan ia menjadi *urf* (di mana masyarakat menganggap bahawa setiap pinjaman mesti dibayar dengan kadar yang lebih daripada jumlah yang dipinjam) (*Shariah Resolutions In Islamic Finance*, 2007: 29).

## 4.0 PEMAKAIAN PRINSIP HIBAH DALAM INDUSTRI TAKAFUL DI MALAYSIA

Secara umumnya, prinsip hibah dalam industri takaful digunakan dalam kebanyakan produk Takaful Keluarga. Dalam produk-produk Takaful Keluarga, peserta takaful boleh menggunakan hibah sebagai salah satu cara untuk mengagihkan manfaat takaful (*takaful benefit*) kepada penama (penerima hibah). Selain itu, prinsip hibah juga diaplikasikan sebagai salah satu struktur daripada model produk takaful itu sendiri, khususnya yang melibatkan bentuk takaful pendidikan anak-anak.

### 4.1 Pelaksanaan Hibah di Syarikat-syarikat Takaful

Secara umumnya prinsip hibah diaplikasikan dalam industri takaful dalam dua bentuk:

#### 4.1.1 Bentuk Pertama

Prinsip hibah yang diaplikasikan semasa membayar manfaat takaful ketika berlaku kematian dalam tempoh caruman iaitu sebelum sijil Takaful tersebut matang.<sup>4</sup>

<sup>4</sup> “Manfaat Takaful” atau “Takaful Benefits” ditafsirkan dalam Seksyen 2, Akta Takaful 1984 sebagai “includes any benefit, pecuniary or not which is secured by a takaful certificate, and “pay” and other expressions, where used in relation to takaful benefits, shall be construed accordingly.”

Aplikasi hibah terhadap manfaat takaful adalah bagi memastikan bahawa bayaran atau wang manfaat tersebut dapat diserahkan kepada keluarga terdekat pencarum tanpa perlu terikat kepada peraturan pusaka. Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dalam mesyuarat kali ke-34 pada 21 April 2003 (19 Safar 1424) dalam hal hibah dalam industri takaful khususnya yang berkaitan dengan hibah manfaat takaful dalam konteks perbincangan ini telah memutuskan sepertimana di bawah (*Shariah Resolutions In Islamic Finance*, 2007: 27-28):

- (1) **Takaful benefit can be used for hibah since it is the right of the participants.** *Therefore, the participants should be allowed to exercise their rights according to their choice as long as it does not contradict with Shariah;*
- (2) *The status of hibah in takaful plan does not change into a will (wasiah) since this type of hibah is a conditional hibah, in which the hibah is an offer to the recipient of hibah for only a specified period. In the context of takaful, the takaful benefit is both associated with the death of the participant as well as maturity of the certificate. If the participant remains alive on maturity, the takaful benefit is owned by the participant but if he dies within such period, then hibah shall be executed;*
- (3) *A participant has the right to revoke the hibah before the maturity date because conditional hibah is only deemed to be completed after delivery is made (qabdh);*
- (4) *Participant has the right to revoke the hibah to one party and transfer it to other parties or terminate the takaful participation if the recipient of hibah dies before maturity; and*
- (5) *The takaful nomination form has to be standardized and must stipulate clearly the status of the nominee either as a beneficiary or an executor (wasi) or a trustee. Any matter concerning distribution of takaful benefit must be based on the contract. Participants should be clearly explained on the implication of every contract being executed.*

Berdasarkan keputusan mesyuarat di atas, hibah ke atas manfaat takaful diharuskan selagi ia adalah hak yang dimiliki oleh peserta takaful. Hibah tersebut adalah hibah bersyarat, iaitu penama akan memiliki manfaat tersebut apabila peserta takaful meninggal dunia. Sebaliknya jika peserta masih hidup ketika berakhirnya tempoh matang, sijil takaful tersebut akan menjadi milik peserta dan bukannya penama. Adalah jelas bahawa syarat yang ditentukan ini menyerupai syarat *ruqba*, iaitu pemilikan manfaat harta hibah disyaratkan hanya dimiliki oleh salah satu pihak yang hidup. Syarat ini, menurut majoriti ahli *fiqh* adalah batal walaupun pemberian tersebut tetap sah (Al-Sharbasi, 1981: 197-198; Al-Zawi, t.t.: 372; Ibn al-Jawzi, 1998:138; Ibn Qudamah, t.t.: 335). Walau bagaimanapun, keputusan BNM itu bersandarkan kepada pendapat dalam mazhab Maliki yang mengiktiraf kesahan syarat *ruqba* (Al-Qurtubi, 2002: 53). Oleh kerana hibah yang diputuskan oleh Majlis Penasihat Syariah BNM itu adalah hibah bersyarat, berdasarkan pemerhatian penulis ia akan menghasilkan kesan-kesan berikut:

- (1) Tawaran hibah hanya sah ketika peserta masih hidup dan akan berakhir dengan tamat tempoh sijil takaful.
- (2) Keperluan *qabd* (pindahan milikan) dalam hibah ini tidak dipenuhi. Oleh kerana itu, peserta boleh membatalkan hibahnya atau menukar penama selagi tempoh sijil belum berakhir.
- (3) Orang yang dinamakan sebagai penerima hibah adalah *benefisiari* dan bukannya *wasi* (*executor*). Oleh kerana itu, waris-waris yang berhak mendapat bahagian pusaka peserta (si mati) tidak berhak terhadap bayaran manfaat tersebut.
- (4) Keputusan BNM di atas hanya bagi manfaat takaful (bayaran daripada Tabung *Tabarru'*). Walaupun keputusan di atas tidak menyebut secara jelas mengenai bayaran caruman daripada Tabung Peserta, bolehlah dikatakan bahawa ia juga termasuk dalam kategori harta takaful yang boleh dihibah. Ini kerana wang hasil caruman dalam Tabung Peserta itu sememangnya jelas dimiliki sepenuhnya oleh peserta itu, berbeza dengan status Tabung *Tabarru'* yang merupakan hasil sumbangan berupa peratusan tertentu daripada caruman peserta-peserta dalam ke dalam sesuatu skim takaful. Oleh kerana itu, secara analoginya peserta boleh menamakan seseorang bagi menghibahkan wang daripada kedua-dua tabung, iaitu, Tabung *Tabarru'* dan juga Tabung Peserta.

Namun begitu, amalan di syarikat pengendali takaful yang dikaji adalah berlainan daripada apa yang diputuskan oleh BNM. Syarikat pengendali takaful melalui penasihat syariah masing-masing telah membina model tersendiri, berdasarkan ijtihad mereka bagi memastikan operasi takaful di syarikat mereka tidak bercanggah dengan hukum syarak (*compliance*); di samping menghasilkan satu produk takaful yang lebih kompetitif. Berikut merupakan modus operandi bagi aplikasi prinsip hibah berdasarkan kajian penulis di syarikat-syarikat pengendali takaful di Malaysia.

#### 4.1.1.1 Hibah yang Dilakukan Secara Mutlak (tidak bersyarat)

Melalui kaedah ini, manfaat takaful yang dihibah kepada *benefisiari* yang dinamakan itu adalah mutlak dan tidak boleh ditarik balik (walaupun hibah oleh seorang bapa kepada anaknya). Kaedah ini diaplikasikan dalam semua produk Takaful Keluarga di Etiqa Takaful Sdn. Bhd. (selepas ini ditulis sebagai Etiqa). Dalam produk-produk takaful di Etiqa, aplikasi hibah ini tidak disebut sebagai hibah, namun ia dikenali sebagai "*absolute assignment*" (pemberian mutlak). Walaupun istilah hibah tidak digunakan, *absolute assignment* (selepas ini ditulis sebagai "AS") dikatakan sangat hampir kepada makna hibah itu (Temu bual dengan pegawai berkenaan).

AS ini dilakukan dengan peserta takaful, biasanya merupakan ahli keluarga terdekat, misalnya bapa dan suami isteri, akan mengisi borang AS yang menyatakan persetujuan pencarum tersebut untuk membuat *assignment* kepada *benefisiari*. AS di Etiqa juga



boleh dilakukan untuk tujuan umum seperti pemberian kepada badan-badan kebajikan dan juga untuk tujuan khusus seperti untuk menjelaskan hutang-hutang di bank. Apabila seseorang mencarum dalam produk-produk Takaful Keluarga, dia akan diberi pilihan sama ada untuk mengisi borang AS ataupun borang penama. Peserta akan diberikan penerangan yang jelas mengenai proses berkenaan. Biasanya, pencarum yang memilih untuk membuat AS telah mempunyai skim perlindungan sendiri dan AS yang diberikan kepada anaknya itu sememangnya bertujuan menghadiahkan manfaat tersebut kepada anaknya. Justeru itu, tidak timbul persoalan pencarum “tidak boleh menarik balik” pemberiannya dengan mengisi borang AS itu. Jika pencarum memilih untuk mengisi borang penama, dia boleh menarik balik atau mengubah penama tersebut mengikut keinginannya (Temu bual dengan pegawai berkenaan).

Berdasarkan keterangan di atas, dari segi pelaksanaan aplikasi prinsip hibah di Etiqa adalah fleksibel bagi pencarum dalam konteks memberi kebebasan kepadanya untuk memberikan wang caruman dan manfaat takafulnya kepada sesiapa yang dikehendaki. Ini berbeza dengan sesetengah syarikat pengendali takaful yang menghadkan pihak yang boleh diberikan wang tersebut. Hibah dalam bentuk AS ini adalah hibah mutlak yang memberi implikasi bahawa seolah-olah polisi takaful tersebut dan apa jua yang berkaitan dengan wang caruman dalam Akaun Peserta dan Akaun Khas Peserta adalah dimiliki oleh *benefisiari* (*assignee*). Sungguhpun demikian, dari sudut yang lain mekanisme AS ini tidak memberi kebebasan kepada pencarum untuk membatalkan pemberian ini atau menggantikan *benefisiari* tersebut dengan orang lain dengan kematian *benefisiari* itu. Dengan demikian, aplikasi prinsip hibah di Etiqa adalah berbeza dengan keputusan nombor (2) dan (3) oleh Majlis Penasihat Syariah BNM yang telah dinyatakan sebelum ini. Kajian di Etiqa mendapati bahawa hibah secara mutlak dipraktikkan adalah bertujuan memudahkan sistem pengurusan, berbanding dengan hibah yang bersyarat yang agak rumit dari segi pengurusannya dan juga diperselisihkan kedudukannya dari segi hukum Islam.

#### 4.1.1.2 Cadangan Hibah di Syarikat Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

Kaedah ‘Cadangan Hibah’ diaplikasikan oleh Syarikat Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. Melalui kaedah ini, peserta takaful (dengan mengisi Borang Cadangan Hibah) hanya akan mencadangkan kepada Tabung Akaun Khas Peserta (Tabung *Tabarru'*)<sup>5</sup> satu

<sup>5</sup> Dalam konteks ini, Tabung *Tabarru'* adalah penghibah kepada manfaat takaful peserta. Tabung *Tabarru'* dalam hal ini adalah dianggap sebagai *Shakhsiyyah 'tibariyyah* (satu entiti yang dianggap sebagai individu). *Fiqh* Islam telah mengiktiraf bahawa institusi-institusi seperti yayasan, pertubuhan dan syarikat sebagai mempunyai keperibadian yang menyerupai individu manusia biasa dari sudut keahlian untuk memiliki, disabitkan hak dan melaksanakan kewajipan. Konsep ini secara umumnya diterima oleh semua ahli *fiqh*. Ini dapat dilihat misalnya dalam kes Baitul Mal mewarisi orang yang tidak mempunyai waris dan qadhi tidak perlu membayar *diyat* (pampasan) sekiranya berlaku kesilapan dalam keputusannya terhadap kes-kes yang berkaitan dengan hak-hak Allah S.W.T. kerana beliau

atau lebih individu yang akan menjadi *benefisiari* kepada manfaat takaful beliau. Perlu ditekankan di sini bahawa hibah itu belum lagi berlaku, sebaliknya hanyalah “cadangan” daripada peserta supaya Tabung *Tabarru'* akan menghibahkan kepada *benefisiari* yang dicadangkan apabila berlaku kematian peserta tersebut sebelum tempoh matang. Dengan demikian, bahagian yang tertakluk kepada hibah adalah wang manfaat takaful akibat kematian peserta daripada Tabung *Tabarru'*, manakala bayaran daripada akaun peserta adalah menjadi pusaka dan akan diagihkan kepada waris peserta mengikut hukum faraid. Ini berbeza dengan *absolute assignment* yang dipraktikkan oleh Etiqa yang tidak membezakan antara kedua-dua tabung tersebut dalam konteks hibah kepada *assignee* (Temu bual dengan pegawai berkenaan).

Walau bagaimanapun, mereka yang boleh dinamakan sebagai *benefisiari* kepada manfaat tersebut hanya dihadkan kepada ibu bapa, pasangan yang sah, anak-anak dan adik beradik (Borang Cadangan Hibah, Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.). Penetapan *benefisiari* ini adalah bertujuan menjaga kepentingan keluarga terdekat yang berada di bawah tanggungan peserta. Walaupun bercanggah dengan peraturan hibah yang memberi kebebasan kepada pemilik harta untuk memberikan hibah kepada sesiapa yang dikehendaki, namun tindakan menghadkan individu tertentu yang boleh menjadi *benefisiari* di sini boleh dianggap sebagai selari dengan prinsip *siyasah shar'iyah* untuk menjaga kepentingan individu-individu yang dianggap sebagai terkesan di atas kematian peserta dan berada di bawah tanggungan peserta (terutama anak-anak dan isteri). Penulis juga berpendapat bahawa ia juga sesuai dengan matlamat daripada penyertaan seseorang pencarum ke dalam mana-mana skim takaful atau insurans, iaitu untuk memberi perlindungan kepada diri dan keluarga yang berada di bawah tanggungan peserta apabila berlaku kematian atau keilatan ke atas peserta.<sup>6</sup> Konsep perlindungan ini dikenali sebagai “Kepentingan Boleh Takaful” dan ia adalah bersamaan dengan konsep “Kepentingan Boleh Insuran” atau *Insurable Interest*<sup>7</sup> dalam konteks insurans konvensional (Seksyen 152, Akta Insurans 1996).

---

mewakili ummah dan sebagainya. Oleh yang demikian, Tabung *Tabarru'* yang terkumpul di dalamnya dana yang disumbangkan peserta Takaful juga termasuk dalam kategori ini kerana ia berhak memiliki dan menunaikan kewajipan mengikut syarat-syarat dan terma yang telah dipersetujui.

<sup>6</sup> Dalam konteks pemegang polisi insurans bukan Islam, perlindungan ini telah dinyatakan dalam Seksyen 166, Akta Insurans 1996 (Akta 553) memperuntukkan:

“(1) A nomination by a policy owner, other than a Muslim policy owner, shall create a trust in favour of the nominee of the policy moneys payable upon the death of the policy owner, if—  
(a) the nominee is his spouse or child; or  
(b) where there is no spouse or child living at the time of nomination, the nominee is his parent.”

<sup>7</sup> Seksyen 152, Akta Insurans 1996 (Akta 553) memperuntukkan:

“(1) A life policy insuring the life of anyone other than the person effecting the insurance, or the life of a person mentioned in subsection (2), shall be void unless the person effecting the insurance has an insurable interest in that life at the time the insurance is effected and the policy moneys payable, or where the policy moneys are payable in instalments, the discounted value of all future instalments under the life policy, shall not exceed the amount of that insurable interest at the time the event resulting in payment of policy moneys occurs.”

Kaedah Cadangan Hibah ini bolehlah dianggap sebagai alternatif kepada isu hibah yang mensyaratkan pelaksanaannya tertakluk kepada kematian peserta seperti mana yang diputuskan oleh Majlis Penasihat Syariah BNM di atas. Walaupun syarat-syarat seperti *‘umra* dan *ruqba*<sup>8</sup> dalam hibah itu diiktiraf oleh BNM, namun ia merupakan isu yang diperselisihkan oleh *fuqaha*. Oleh yang demikian, Takaful Ikhlas mengambil pendirian bahawa perkara-perkara yang berupa *khilafiyah* (perkara yang tidak disepakati oleh semua *fuqaha*) ini wajar dielakkan, sesuai dengan kaedah fiqh yang bermaksud, “Keluar daripada perkara-perkara *khilaf* adalah digalakkan” (Al-Suyuti, t.t: 256).

Selain isu hibah bersyarat, kaedah Cadangan Hibah ini dikatakan boleh mengatasi isu *qabd* yang tidak dapat dipenuhi kerana manfaat takaful itu belum lagi wujud ketika hibah dibuat. Oleh kerana deklarasi yang dikemukakan oleh peserta takaful itu merupakan “cadangan”, maka ia boleh ditarik balik dan senarai *benefisiari* kepada manfaat tersebut juga boleh diubah oleh peserta pada bila-bila masa.

#### **4.1.2 Bentuk Kedua: Hibah yang Berlaku Sebagai Struktur Produk Takaful itu Sendiri**

Dalam hal ini, peserta takaful yang dinamakan dalam produk takaful itu sendiri adalah *benefisiari* yang menerima hibah itu. Ini berlaku apabila ibu atau bapa menjadi pencarum kepada anaknya dalam produk-produk takaful pelajaran. Modus operandi hibah jenis ini mudah difahami kerana pembayar (bapa misalnya) menjadi *donor* dengan membayar jumlah tertentu setiap bulan sehingga tempoh matang sebagai caruman untuk kepentingan anaknya (peserta), iaitu *benefisiari*. Apabila caruman mencapai tempoh matang, maka wang caruman (simpanan) tersebut beserta dengan keuntungannya (jika ada) akan diserahkan kepada anak berkenaan. Begitu juga segala manfaat hasil penyertaannya di dalam produk-produk takaful ini juga menjadi hak miliknya. Aplikasi ini berlaku dalam produk-produk takaful yang bersifat simpanan pendidikan di Etiqa (misalnya Sarjana) dan Ikhlas (misalnya Ikhlas Education Takaful). Selain itu, hibah dalam produk-produk tersebut juga dilihat kepada tindakan memberikan ganjaran-ganjaran tertentu kepada peserta oleh syarikat-syarikat pengendali takaful tersebut. Ganjaran seperti hadiah kecemerlangan akademik itu diambil daripada Tabung *Tabarru*<sup>c</sup> (Tabung Khas Peserta) syarikat takaful berkenaan.

(2) A person shall be deemed to have insurable interest in relation to another person if that other person is—  
(a) his spouse, child or ward being under the age of majority at the time the insurance is effected;...”

<sup>8</sup> Secara umumnya, *‘umra* dan *ruqba* adalah bentuk pemberian yang menyamai prinsip *life interest* (atau faedah hayat) dalam Undang-undang Inggeris (Ahmad Hidayat Buang, 2007: 343)

## 4.2 Tujuan Pemakaian Prinsip Hibah dalam Industri Takaful

Prinsip hibah diaplikasikan dalam konteks mengagihkan manfaat takaful selepas kematian peserta adalah untuk memberi perlindungan kepada keluarga terdekat, seperti anak-anak, isteri dan ibu bapa. Melalui pemberian kepada individu yang dikenali sebagai keluarga terdekat ini, maka bayaran manfaat takaful tersebut tidak tertakluk kepada pembahagian secara faraid. Ini akan menjamin keluarga terdekat itu dari segi kebajikan hidup mereka selepas kematian peserta. Tambahan pula, dilihat dari segi tujuan seseorang individu mencarum dalam skim takaful, terutama Takaful Keluarga adalah untuk memberi perlindungan dan menjaga kebajikan ahli-ahli keluarga yang berada di bawah tanggungannya. Andai kata prinsip hibah tidak diaplikasikan, syarikat pengendali takaful hanya akan mengagihkan wang manfaat tersebut kepada penama yang disenaraikan oleh peserta yang kemudian akan diagihkan pula kepada waris-waris peserta untuk diagihkan semula mengikut peraturan faraid dalam undang-undang Islam. Perkara ini sudah semestinya akan mengurangkan bahagian wang yang diperolehi oleh keluarga terdekat kerana manfaat tersebut telah dikongsi bersama dengan ahli keluarga yang jauh walaupun mereka juga berhak atas dasar faraid. Jika ini berlaku, ia bercanggah dengan tujuan sebenar caruman takaful itu dilakukan.

Dari sudut lain, penggunaan prinsip hibah memudahkan operasi pembayaran manfaat takaful. Kenyataan ini demikian kerana apabila peserta takaful menamakan seseorang atau beberapa orang sebagai penerima hibah, syarikat pengendali takaful akan terus mengeluarkan cek pembayaran manfaat takaful kepada individu yang dinamakan itu. Penerima (*benefisiari*) itu pula berhak ke atas wang bayaran manfaat tersebut sebagai harta miliknya dan dia tidak pula dikehendaki untuk membahagikannya kepada waris-waris yang lain mengikut peraturan faraid. Berbeza dengan situasi jika peserta takaful tidak membuat hibah, dan hanya membuat penamaan sahaja, maka peraturan penamaan adalah terpakai, iaitu orang yang dinamakan itu akan bertindak sebagai *executor* atau *wasi* yang bertanggungjawab untuk mengagihkan wang manfaat takaful itu kepada waris-waris peserta. Dia sama sekali tidak diiktiraf sebagai pemilik mutlak yang berhak ke atas wang tersebut. Sebagai *wasi*, orang yang dinamakan ini (jika perlu) perlu berurusan dengan pihak-pihak tertentu seperti Amanah Raya Berhad ataupun syarikat-syarikat amanah yang lain bagi tujuan pengagihan tersebut.

Manakala bagi prinsip hibah yang diaplikasikan secara langsung apabila ibu bapa sendiri yang membayar caruman atas nama anak-anak mereka, matlamat mereka adalah untuk memastikan anak mereka mempunyai asas tabungan yang mencukupi untuk tujuan-tujuan tertentu terutamanya untuk pelajaran mereka di samping untuk tujuan perlindungan daripada sebarang risiko.

## 5.0 KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa prinsip hibah, walaupun tidak dianggap sebagai prinsip utama dalam operasi Sistem Kewangan

Islam, namun ia diaplikasikan sebagai prinsip sokongan dalam aktiviti-aktiviti muamalah Islam di Institusi-institusi Kewangan Islam di Malaysia. Secara umumnya, prinsip hibah banyak digunakan oleh pihak institusi kewangan ketika memberi imbuhan atau bayaran kepada pihak pelanggan. Pemakaian prinsip hibah dapat menjadi penampung kepada keadaan-keadaan tertentu yang tidak dapat diselesaikan melalui transaksi *muawadat* (*bilateral contracts*/kontrak-kontrak pertukaran).

## RUJUKAN

- Abdul Halim El-Muhammady. 2005. *Undang-undang Muamalat dan Aplikasinya Kepada Produk-produk Perbankan Islam*. Bangi: Fakulti Undang-undang UKM.
- Ahmad Hidayat Buang. 2007. "Produk dan Perkhidmatan Kewangan Islam" dalam Ahmad Hidayat Buang, ed., *Undang-undang Islam di Malaysia: Prinsip dan Amalan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- \_\_\_\_\_. 2007. "Prinsip dan Pelaksanaan Hibah" dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.), *Undang-undang Islam di Malaysia: Prinsip dan Amalan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad Rida. 1960. *Mu'jam Matan al-Lughah*, j. 5. Beirut: Dar Maktabat al-Hayah.
- Al-Ansari, Abi Yahya Zakariyya. t.t. *Fath al-Wahhab*, j. 1. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Fayyumi, Ahmad bin Muhammad. t.t. *al-Misbah al-Munir*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Al-Jurjani, 'Ali bin Muhammad. 1421H. *Kitab al-Ta'rifat*. Jeddah: al-Haramayn.
- Al-Khatib, Muhammad al-Sharhini. t.t. *Mughni al-Muhtaj*, j. 4. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Nawawi, Abi Zakariyya Mahy al-Din. 1985. *Rawdat al-Talibin*, j. 5. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- \_\_\_\_\_. t.t., al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab, j. 15, Dar al-Fikr.
- Al-Qaylubi, Shihab al-Din Ahmad bin Ahmad bin Salamah dan 'Umayrah, Shihab al-Din Ahmad al-Barlisi. t.t. *Hashiyatan*, j. 3, Dar al-Fikr.
- Al-Qurtubi, Abu 'Abd Allah al-Ansari. 2002. *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, j. 5. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Ramli, Muhammad bin Abi al-'Abbas. 1967. *Nihayat al-Muhtaj Ila Sharh al-Minhaj*, j. 5. Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.
- Al-Sharbasi, Ahmad. 1981. *al-Mu'jam al-Iqtisadi al-Islami*. T.tp.: Dar al-Jayl.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd Rahman. t.t. *Al-Ashbah wa al-Naza'ir*. T.P.: al-Maktabah al-Tawfiqiyah.
- Al-Zarqa', Mustafa Ahmad. 1999. *Aqd al-Bayc*. Damshiq: Dar al-Qalam.
- Al-Zawi, Ahmad. t.t. *Tartib al-Qamus al-Muhit*, j. 3. Beirut; Dar al-Fikr.
- Borang Cadangan Hibah, Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.
- Ibn al-Jawzi. 1998. *al-Tahqiq fi Masa'il al-Khilaf*, j. 8. Dar al-Wa'y al-'Arabi.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad bin Mukram. 2003. *Lisan al-'Arab*, j. 9. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ibn Qudamah, Muwaffaq al-Din 'Abd Allah bin Ahmad. t.t. *al-Mughni*, j. 6. Dar al-Fikr.
- Islamic Banking Practice from the Practitioners Perspective*. 1994. Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad.
- Kamus Dewan* Edisi Keempat. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nabil A. Saleh. 1986. *Unlawful Gain and Legitimate Profit in Islamic Law: Riba, Gharar and Islamic Banking*. Cambridge University Press.
- Nor Mohd Yakop. 1996. *Teori Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Bhd.
- Shariah Resolutions In Islamic Finance*. 2007. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.